

Halang tetap halang

Pengusaha van pelancong Thailand, pihak berkuasa Malaysia bincang tapi kenderaan kita terus disekat

FOTO | Shahrizal Md Nor

>>Oleh Mohamad Hussin
mohamad@hmetro.com.my

DANOK (SELATAN THAILAND): "Kami sedia mengikut peraturan Malaysia termasuk menanggalkan cermin gelap dan menukar nombor pendaftaran kenderaan yang lebih besar," kata pengusaha van pelancong Thailand, Ahmad Ibrahim, 35, yang sedia bekerjasama dengan pihak berkuasa negara ini asalkan mereka dapat meneruskan operasi membawa pelancong negara itu ke Malaysia seperti biasa.

Beliau berkata, pihaknya meminta pihak berkuasa Malaysia mengemukakan arahan rasmi mengenai peraturan ditetapkan bagi membolehkan mereka mematuhi setiap prosedur termasuk mendapatkan permit supaya dapat beroperasi seperti biasa.

"Kami sedia mengikut semua peraturan pihak berkuasa Malaysia supaya dapat meneruskan operasi membawa pelancong.

"Kami sudah tidak tahan kerana anggota JPJ (Jabatan Pengangkutan Jalan) yang menahan kami di Bukit Kayu Hitam atau Jitra meminta duit antara RM400 dan RM500 bagi satu perjalanan," katanya, semalam.

Tinjauan Harian Metro se-

malam mendapati, lebih 50 pengusaha van pelancong Thailand berkumpul di depan sebuah hotel, kira-kira satu kilometer dari Kompleks Imigresen Thailand bagi memprotes tindakan JPJ mengadakan operasi penguatkuasaan.

Akhir kelmarin melaporkan pengusaha van pelancong Thailand, di sini, bertindak menghalang bas dan van pelancong dari Malaysia memasuki negara itu sejak Jumaat malam kerana tidak berpuas hati dengan JPJ yang didakwa kerap mengambil tindakan terhadap mereka.

Berikutan tindakan itu, lebih 30 bas dan van yang membawa lebih 1,000 pelancong Malaysia untuk ke Hatyai terkandas di kawasan letak kereta berhampiran Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin Thailand, di sini.

Sementara itu, perbincangan antara pengusaha van terbabit dengan Penasihat Khas Kerajaan Thailand di Songkhla, Datuk S Shannon meminta pihak berkuasa Malaysia mengemukakan arahan rasmi mengenai peraturan ditetapkan bagi membolehkan mereka mematuhi setiap prosedur termasuk mendapatkan permit supaya dapat beroperasi seperti biasa.

"Mereka beritahu perkara



MOHON... sebahagian pengusaha van pelancong Thailand menyerbu Pusat Penerangan Pelancongan Malaysia untuk memohon permit pelancongan.

HALANG ...sebahagian pengusaha van pelancong Thailand mengadakan sekatan jalan bagi menghalang bas, van pelancong Malaysia memasuki negara itu, semalam.



itu tidak pernah dijelaskan dengan terperinci kepada pengusaha van Thailand menyebabkan mereka melakukan kesalahan sama berulang kali.

"Selain itu mereka mendakwa operasi JPJ yang tidak konsisten juga menyebabkan mereka keliru mengenai peraturan dikuatkuasakan.

"Ini menunjukkan ada ma-

salah komunikasi antara pihak berkuasa Malaysia dengan pengusaha van pelancong Thailand hingga menyebabkan perkara ini berlaku," katanya pada sidang

media di sini, semalam.

Beliau mengambil inisiatif mengaturkan perbincangan itu bagi membolehkan hubungan baik yang sedia terjalin antara kedua-dua negara terus terpelihara dan tidak mahu masalah van pelancongan itu mengeruhkan hubungan Malaysia-Thailand.

Hadir sama, Ketua Polis Daerah Sadao, Pramut Lert Baworn dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Kayu Hitam, Datuk Ahmad Zaini Japar.

Sementara itu, Ahmad Zaini berkata, beliau menjelaskan mengenai undang-undang dan peraturan Malaysia yang perlu dipatuhi supaya pengusaha pelancongan di Thailand boleh membawa pelancong secara sah memasuki Malaysia dengan bas atau van.

"Saya menyerahkan borang untuk mereka memohon permit kepada Kementerian Pelancongan tetapi buat masa ini, mereka tetap dengan keputusan menghalang van dan bas Malaysia yang membawa pelancong dari memasuki Thailand.

"Mereka bersetuju mengemukakan permohonan baru ke Tourism Malaysia sebagai langkah sementara dan berharap ia dapat meredakan masalah yang berlaku," katanya.